

Kejayaan terhebat negara

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH
(WARTAWAN UTUSAN)

KALAU dijejaki atau ditelusuri, begitu banyak kejayaan membanggakan dicapai dan dilakukan rakyat Malaysia dalam rentang masa 50 tahun kemerdekaan negara.

Itulah juga sebabnya timbul slogan dan semangat 'Malaysia Boleh' pada setiap ketika.

Sekadar mengimbuai beberapa kejayaan itu, kita cukup berbangga apabila Datuk Azhar Mansor pada tahun 1999 belayar secara solo menjelajah mengelilingi dunia dengan merentasi lautan sejauh 25,000 batu nautika.

Bukan sedikit rasa bangga berbunga di hati seluruh rakyat Malaysia ketika itu kerana ketabahan dan kecekalan yang ditunjukkan oleh beliau.

Malaysia turut berbangga kerana dengan kejayaan itu, ia bukan sahaja memberi jasa yang tidak ternilai kepada negara, tetapi juga telah menyuntik semangat kepada yang lain untuk berusaha mengangkat nama sendiri dan Malaysia di mata dunia.

Dan masihkah kita ingat kepada kecekalan dan semangat tinggi Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, wanita yang menjelajah secara solo ke Antartika, bumi ais pada tahun 2005. Kemudian beliau meneruskan pula misi atau Ekspedisi ke Kutub Utara setahun kemudian.

Kalau kita belum terlupa, lebih awal daripada itu, sekitar tahun 2003, kita juga berbangga dengan individu rakyat Malaysia bernama Abdul Malik Mydin.

Abdul Malik menjadi lelaki Asia Tenggara pertama yang berjaya berenang merentasi Selat Inggeris dengan rekod digenggam ialah 17 jam 35 minit.

Setahun kemudian iaitu pada Julai 2004, Lennard Lee, pelajar perubatan di London, juga anak Malaysia, menyusuli kejayaan Abdul Malik.

Tidak ketinggalan, nama-nama seperti M. Magendran dan N. Mohandas memberi ukiran indah dalam sejarah Malaysia setelah berjaya menawan puncak Everest pada Mei 1997. Kejayaan itu kemudiannya diulangi pula pada Mei 2004 oleh dua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhammad Muqharabin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali. Maka, kedua-dua mereka menjadi mahasiswa pertama di negara ini yang menawan puncak tertinggi di dunia tersebut.

Justeru, apabila negara menghantar angkasawan pertama iaitu Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ke angkasa lepas, apakah yang terlintas di fikiran kita secara jujur?

Bangga? Sudah pasti. Lebih daripada itu? Tentunya, ramai antara kita membuat kesimpulan, ini barangkali kejayaan paling hebat negara. Tetapi, jangan dilupakan kerana mungkin ada sesetengah yang lain beranggapan bahawa

semasa pelayaran solo Azhar suatu ketika dahulu Malaysia kelihatannya lebih hebat dengan nama negara disebut-sebut di bibir pelayar-pelayar antarabangsa lain.

Laporan menyebut, pelayaran Azhar itu merentasi Tanjung Horn, kawasan yang dianggap paling bahaya di kalangan pelayar dunia yang telah pun mencipta nama sebelum ini.

Dan kalau tidak hebat, apakah lagi label atau nama yang sesuai diberi kepada orang seperti Azhar kerana kesanggupannya meredah lautan gelora menempa bahaya bersabung nyawa selama 190 hari semata-mata untuk membuktikan semangat Malaysia Boleh.

Namun, itu barangkali persepsi masing-masing. Tetapi ramai yang barangkali bersetuju, sejak negara merdeka, kejayaan Malaysia menghantar Sheikh Muszaphar untuk membolehkannya muncul menjadi angkasawan pertama negara adalah lebih hebat berbanding kejayaan sebelum ini.

Lalu, kepada kelompok yang berpandangan majoriti ini mereka tentunya ada hujah tersendiri.

Apakah yang menjadikannya hebat dan berlainan daripada kejayaan-kejayaan yang diraih oleh rakyat Malaysia sebelum ini?

Pertamanya, proses untuk muncul sebagai angkasawan pertama itu lebih sukar. Anggap sahaja begini. Semua orang mahu menjadi angkasawan. Tetapi tidak semua yang mendapat peluang untuk benar-benar berada di sana. Kita bercakap mengenai angkasa lepas, bukan jalan raya atau sungai.

Pemilihan

Justeru, bukan calang-calang yang berpeluang dan boleh ke sana jika tidak hebat. Tambahan pula, kalau kita belum lupa proses pemilihan menjadi angkasawan negara melalui peringkat yang bersimpang-siur. Bermula dengan direbut 11,267 orang calon dari seluruh negara, jumlah itu disenarai pendek menjadi 435 orang kemudian bilangan itu mengecil lagi menjadi empat orang dalam tujuh saringan.

Daripada empat itu menghasilkan dua ke peringkat akhir sebelum seorang sahaja, yang tentunya hebat, terpilih menaik roket ke angkasa.

"Semua orang punya impian untuk mendaki Everest, belayar solo atau berenang jauh. Tetapi dalam hal itu semua, kehendak untuk melakukannya yang penting, tetapi bukan dalam kes seperti angkasawan ini. Bagi kejayaan-kejayaan sebelum ini, yang penting kehendak atau semangat itu mesti ada dan semua orang boleh mencapainya, tetapi tidak bagi program angkasawan ini," ujar seorang teman yang diminta berkongsi pandangan mengenai hal itu.

Beliau yang mengikuti rapat perkembangan sejarah angkasawan negara itu



ANGKASAWAN pertama Malaysia, Sheikh Muszaphar Shukor (kiri), Yuri Malenchenko (tengah) dari Rusia dan Peggy Whitson dari Amerika Syarikat berjalan seiringan semasa latihan di Star City, pinggir Moscow, September lalu.

- AFP

Bagi kejayaan-kejayaan sebelum ini, yang penting kehendak atau semangat itu mesti ada dan semua orang boleh mencapainya, tetapi tidak bagi program angkasawan ini

sejak awal bagaimanapun mengakui bahawa bukannya kejayaan rakyat Malaysia terdahulu tidak hebat, cuma tegasnya, yang terbaru ini benar-benar hebat.

Ini turut diakui sendiri oleh Abdul Malik, yang pernah menjadi ikon wira negara kerana kejayaan yang diukirnya.

"Semua orang wajar berbangga. Saya juga tidak terkecuali. Memperkatakan tentangnya, tidak timbul kejayaan siapa lebih hebat atau terhebat. Kehebatan kejayaan anak Malaysia sebelum ini tetap mempunyai keunikan tersendiri.

"Yang terbaru ini, kelainan dan perbezaannya barangkali dari segi penyelidikan. Apa yang saya nampak, ia turut menghantar mesej kepada orang Islam bahawa jangan gentar untuk ke angkasa kerana boleh menunaikan ibadat dan kewajipan di sana. Ini semua ditunjukkan oleh angkasawan pertama kita," kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Selain itu ia sebenarnya hebat dan wajar dibanggakan kerana ada jentera yang menyokong di belakangnya.

Ada televisyen dan surat khabar mewakili media; ada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi mewakili kerajaan dan iklan di mana-mana mempamerkan kehebatan program angkasawan negara ini.

Lebih daripada itu, ada suara yang

bukan sedikit, tetapi berjuta-juta rakyat Malaysia yang menghembuskan gema semangat serta perangsang buat angkasawan pertama negara. Justeru, kalau tidak hebat, apa lagi yang wajar dipanggil?

"Benar ia hebat, tetapi barangkali khusus untuk negara kita sahaja. Ia hebat bagi Malaysia. Mungkin negara lain di dunia ini seperti Rusia, Amerika Syarikat (AS) sudah jauh ke hadapan," kata seorang lagi teman yang turut sama mengikuti dengan tekun perihal kejayaan negara yang satu ini.

Kepada teman ini, barangkali jawapannya boleh diberi begini. Tidak mengapa jika hanya hebat untuk Malaysia sahaja. Tetapi berita mengenainya diikuti oleh penduduk dunia.

Selebihnya ia menonjolkan satu perkara. Tidak semua negara di dunia ini yang telah berjaya menghantar angkasawannya ke angkasa lepas. Ambil kira fakta ini.

Setakat 4 Oktober tahun ini, seramai 463 orang telah bergelar angkasawan profesional iaitu 415 lelaki dan 48 wanita dari 34 buah negara. Maknanya, kita berada dalam kumpulan di bawah 500 orang yang memiliki angkasawan. Di peringkat dunia, ia lebih daripada mencukupi untuk dikategori sebagai kejayaan terhebat buat negara, individu dan bangsa.